

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 6 APRIL 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1521-L08476
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menanggung kos tambahan akibat kelewatan penyerahan kapal LCS.
2. PN-1521-L08838
Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam usaha guna semula bateri kereta elektrik apabila mencapai akhir hayat berguna memandangkan litium merupakan bahan yang amat toksik kepada manusia dan memudaratkan alam sekitar jika dibuang begitu sahaja.
3. PN-1521-L08417
Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Tabung Haji bagi menampung kos subsidi Haji yang ditanggung oleh mereka bagi memastikan agensi ini mampu beroperasi untuk jangka masa panjang.
4. PN-1521-L08786
Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula pelaksanaan dasar PEPs (Politically Exposed Person) dan apakah kesan jika Malaysia tidak melaksanakan polisi ini.

5. PN-1521-L08665
Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah perancangan bagi menggalakkan dan memastikan rakyat mampu untuk memiliki rumah berikutan daripada peningkatan harga kos rumah serta kos pinjaman dan apakah langkah Kerajaan mengenai lambakan unit rumah yang tidak terjual semenjak kebelakangan ini.

6. PN-1521-L08905
Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
 - (a) bilakah Kementerian akan mewajibkan semua guru pendidikan awal kanak-kanak mempunyai sekurang-kurangnya diploma dalam bidang tersebut; dan
 - (b) adakah Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dalam bidang pengajian pendidikan awal kanak-kanak yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia diiktiraf bagi tujuan tersebut.

7. PN-1521-L08545
Datuk John Ambrose minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah penjelasan Kerajaan berhubung Malaysia mengimport 30% keperluan beras negara sedangkan Malaysia mempunyai 10 jelapang padi yang sepatutnya boleh menampung keperluan tersebut dan apakah punca kegagalan kita mencapai hasil yang maksima dalam pengeluaran padi negara.

8. PN-1521-L08818
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah tawaran dan peluang yang disediakan Kementerian untuk membantu dan menggalakkan golongan belia memulakan perniagaan.

9. PN-1521-L08521
Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah spesifik yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menguatkuasakan dasar berkaitan perjudian haram atas talian dan apakah tahap keberkesanan langkah-langkah tersebut.

10. PN-1521-L08643
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah wujudnya sinergi antara Kementerian dengan institusi agama seperti JAKIM dan Jabatan Mufti-mufti Negeri dalam isu projek rintis pemberian PrEP secara permintaan.
11. PN-1521-L08547
Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah bentuk reformasi yang sedang dan akan dilaksanakan dalam aspek pemilihan kontraktor atau pelaksana projek pembinaan dan menaiktarafkan jalan raya Persekutuan yang dikelolakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Persekutuan dan JKR setiap negeri.
12. PN-1521-L08609
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai melalui Program Agropreneur Muda.
13. PN-1521-L08753
Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah tahap kemudahan yang disediakan dalam hospital Kerajaan terutamanya di kawasan luar bandar yang dikatakan tidak setaraf dengan hospital di bandar manakala teknologi perubatan yang digunakan di hospital luar bandar juga telah luput dan apakah langkah Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.
14. PN-1521-L08434
Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan kepada ekspatriat di bawah program 'Malaysia My Second Home' (MM2H).
15. PN-1521-L08873
Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana isu rakyat Malaysia diperdaya dan menjadi mangsa tebusan culik boleh berlaku dalam sindiket 'scam' pekerjaan apabila Kementerian mempunyai dasar bahawa penempatan pencari kerja tempatan seharusnya melalui Agensi Pekerjaan Swasta yang berdaftar.
16. PN-1521-L08798
Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini projek pembinaan Lebuhraya Central Spine Road.

17. PN-1521-L08589

Datuk (Dr.) Ras Adiba Mohd Radzi minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah komitmen Kerajaan dalam memastikan agar semua stesen berita dan televisyen dapat menyediakan jurubahasa isyarat seperti dinyatakan dalam Pelan Tindakan OKU 2016-2022 serta adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan jurubahasa isyarat sebagai perkhidmatan wajib kepada stesen televisyen/berita menerusi pindaan tatacara MCMC.

18. PN-1521-L08397

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cara pihak Jabatan Perkhidmatan Awam memastikan terdapat waktu peralihan di antara pertukaran penjawat awam dan apakah garis panduan yang sedia ada untuk memastikan segala fail serta dokumen diberikan kepada penjawat awam baharu yang akan menggantikan orang yang berpindah atau dipindahkan.

19. PN-1521-L08726

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bantuan yang disediakan oleh Kerajaan untuk membantu golongan warga emas, OKU, ibu tunggal, keluarga tunggal dan pesakit kronik.

20. PN-1521-L08685

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan untuk tidak mengamalkan diskriminasi peruntukan wakil rakyat selaras dengan Manifesto Pakatan Harapan iaitu peruntukan Kawasan Sama Rata: HARAPAN bakal menyediakan Dana Pembangunan Kawasan Pilihan Raya (CDF) sama rata kepada semua wakil rakyat tanpa mengira parti kerana mereka mewakili kepentingan rakyat di kawasan itu dan peruntukan dana juga perlu disalurkan melalui Parlimen dan bukannya Pejabat Perdana Menteri (PMO).

21. PN-1521-L08925

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj Ibrahim minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan prestasi dan unjuran pelaburan MARA Corporation Sdn Bhd dan bagaimana Kerajaan memastikan integriti operasi anak-anak syarikat tidak terjejas selaras dengan kehendak Akta Majlis Amanah Rakyat (MARA) 1966.

22. PN-1521-L08632

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan ke atas gesaan pelbagai pihak yang mencadangkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diletakkan di bawah seliaan Parlimen.

23. PN-1521-L08663

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah petugas kesihatan kita yang sedang dilanda beban kerja lebih masa yang tidak teratur sehingga membawa kepada masalah 'burn out' dan masalah mental.

24. PN-1521-L08857

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah bentuk penyelesaian dalam mengatasi isu pasaran hartanah yang terkesan akibat impak inflasi terutamanya melibatkan kos bahan binaan yang meningkat dengan ketara dan bagaimanakah Kerajaan menyelesaikan isu unit rumah yang tidak terjual dalam pasaran.

25. PN-1521-L08763

Datuk Noraini Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan pemulihan perguruan yang sedang direncanakan oleh Kerajaan sebagai usaha nasional ke arah mempertingkatkan mutu serta etika perguruan dalam kalangan guru sekolah rendah dan menengah di samping membendung masalah disiplin dalam kalangan guru termasuklah masalah ketidakhadiran secara kerap.

26. PN-1521-L08577

Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah pihak Kementerian mempertimbangkan penguatkuasaan hukuman dan penalti yang lebih berat terhadap pesalah yang melakukan pencemaran sungai dan sumber air seperti mengarahkan pesalah untuk menanggung kos keseluruhan proses pembersihan akibat pencemaran yang dilakukan di samping denda yang lebih tinggi.

27. PN-1521-L08705
Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapakah jumlah pelajar terkini Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) dan sejauh manakah lepasan program ini berjaya mempraktikkan apa yang mereka belajar apabila masuk ke alam pekerjaan yang sebenar.
28. PN-1521-L08515
Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh pihak swasta untuk membangunkan kawasan luar bandar di Malaysia dan bagaimanakah Kerajaan menggalakkan pelaburan swasta di kawasan luar bandar.
29. PN-1521-L08565
Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dipergiatkan bagi menarik lebih ramai lagi penyertaan generasi belia luar bandar dalam bidang agro makanan terutamanya yang melibatkan penternakan arnab dan rusa sejajar dengan pindaan terbaharu Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.
30. PN-1521-L08432
Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah negara diumumkan keluar sepenuhnya daripada pandemik COVID-19 dan rakyat kembali dengan kehidupan normal.
31. PN-1521-L08461
Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa ramai usahawan-usahawan daripada kalangan masyarakat Orang Asli hasil usaha JAKOA yang telah berjaya dan kini telah menjalankan perniagaan sendiri.
32. PN-1521-L08979
Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan serta menjelaskan status terkini pelaksanaan rangkaian dan infrastruktur generasi kelima (5G) dan adakah kesemua syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi telah bersetuju untuk menyertainya.

33. PN-1521-L08998
Datuk Paul Igai minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang sedang dan bakal diambil oleh Kementerian untuk mengatasi isu kenaikan kos bahan mentah khususnya bekalan makanan ternakan.
34. PN-1521-L08540
Datuk John Ambrose minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam usaha pendigitalan sektor pemborongan dan peruncitan koperasi serta apakah peranan Kementerian dalam usaha membolehkan gerakan koperasi membantu menangani kos sara hidup dan harga barangan keperluan yang semakin meningkat.
35. PN-1521-L08421
Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah sasaran pungutan pingat atlet-atlet Malaysia di Sukan SEA yang akan berlangsung di Cambodia pada tahun 2023..
36. PN-1521-L08970
Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang Kerajaan dalam merealisasikan aspirasi negara neutral karbon menjelang 2050.
37. PN-1521-L08485
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal kawasan penanaman padi daripada terus dijadikan sebagai kawasan perumahan yang tentunya akan menjejaskan pengeluaran padi negara.
38. PN-1521-L08628
Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini RUU Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan pelan tindakan termasuk jangka masa Kementerian untuk merealisasikan penubuhan suruhanjaya ini.

39. PN-1521-L08446
Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menganjurkan pilihan raya majlis tempatan dan adakah pelaksanaan tersebut akan dibuat dalam masa terdekat. Jika tidak, apakah alasan untuk tidak melaksanakannya.
40. PN-1521-L08558
Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah polisi atau perancangan khusus yang dirangka pihak Kementerian dalam menangani isu kesesakan trafik di bandar-bandar utama di seluruh negara khasnya di Kuala Lumpur.
41. PN-1521-L08885
Tuan Ak Nan A/L Ehtook minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil bagi menarik minat pelbagai bangsa untuk berkhidmat sebagai penjawat awam bagi mengimbangi komposisi bangsa dalam perkhidmatan awam dan sejauh manakah tindakan tersebut mencapai sasarannya.
42. PN-1521-L08406
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan banduan yang kini ditahan dalam penjara mengikut kesalahan jenayah pada lima tahun yang lepas dan berapakah kos pembiayaan yang ditanggung oleh Kerajaan serta adakah Kerajaan boleh mempertimbangkan penswastan penjara untuk mengurangkan kos.
43. PN-1521-L08578
Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif serta program yang bakal dan telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mendekati golongan belia agar mereka dapat memanfaatkan masa terluang dan diisi dengan perkara-perkara yang berfaedah sekali gus mengelakkan golongan belia dari terjebak dengan dadah serta masalah sosial yang lain.
44. PN-1521-L08598
Datuk (Dr.) Ras Adiba Mohd Radzi minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah inisiatif yang diambil oleh Kementerian dan peruntukkan yang digunakan bagi menjamin kualiti hidup bekas tentera OKU serta adakah Kerajaan berhasrat melaksanakan program tertumpu seperti dilaksanakan oleh Amerika Syarikat iaitu Disabled Veterans Affirmative Action Program (DVAAP) Plan.

45. PN-1521-L08617
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah dasar Kerajaan untuk meluluskan pekerja asing dalam pelbagai bidang dan pada masa yang sama, dasar Kerajaan untuk menjaga dan memastikan peluang pekerjaan dan kesejahteraan hidup rakyat tempatan.
46. PN-1521-L08701
Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah sokongan yang disediakan oleh Kerajaan kepada doktor-doktor kontrak yang ingin membuka klinik persendirian setelah tamat tempoh kontrak.
47. PN-1521-L08827
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kes jenayah rompakan yang berlaku di seluruh negara dan apakah usaha Kementerian untuk memastikan jenayah ini dapat dibendung sekali gus menjamin keselamatan dan keamanan rakyat.
48. PN-1521-L08914
Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pelan tindakan bagi memastikan kebajikan atlet-atlet sukan negara yang telah bersara terjaga dan terpelihara selepas berbakti kepada negara melalui sukan.
49. PN-1521-L08894
Tuan Ak Nan A/L Ehtook minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah kemajuan terkini tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah lalu lintas jalan kampung yang sempit di laluan Kg. Kok Seraya-Kg. Terbak, Tumpat, Kelantan.
50. PN-1521-L08934
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj Ibrahim minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan keseriusan dan kesiap siagaan aset-aset pertahanan negara di semua sempadan terutamanya di Beting Patinggi Ali yang menjadi sasaran dan ancaman oleh pihak luar untuk mengganggu-gugat kedaulatan Negara.
51. PN-1521-L08995
Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan senarai industri-industri dalam sektor sains dan teknologi yang telah dikenal pasti berpotensi tinggi dan sesuai untuk Malaysia dan sejauh manakah penyertaan negara dalam industri-industri tersebut.

52. PN-1521-L09004

Datuk Paul Igai minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status Skim Rancangan Perusahaan Getah di bawah RISDA khususnya Skim B di Sebintek Ulu Oya, Sibu, Sarawak dan adakah projek ini akan dikembangkan lagi bagi memberi peluang kepada anak-anak peneroka untuk menyertai skim tersebut.

53. PN-1521-L08858

Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pelan tindakan Kerajaan untuk menambah baik sistem penempatan pegawai perubatan pada saat akhir supaya pegawai dan keluarga diberi masa yang secukupnya untuk membuat persediaan.

54. PN-1521-L08465

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghentikan pencerobohan China yang semakin meningkat ke perairan wilayah kita.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 13/2023) Rang Undang-undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

2. (D.R. 14/2023) Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

3. (D.R. 5/2023) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

4. (D.R. 6/2023) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

5. (D.R. 12/2023) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2022) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

6. (D.R. 4/2023) Rang Undang-undang Kewangan 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

7. (D.R. 3/2023) Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

8. (D.R. 9/2023) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Pengangkutan]

9. (D.R. 10/2023) Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Pengangkutan]

10. (D.R. 11/2023) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Pengangkutan]

11. (D.R. 7/2023) Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

12. (D.R. 8/2023) Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]